

## **Meningkatkan Kemahiran Membaca Suku Kata KV Dalam Kalangan Murid Bermasalah Pembelajaran Melalui Teknik BAYI**

Norbaidura Hainie Bt Badrul Hisham

Sekolah Kebangsaan Batu Berendam 2, Melaka  
*cikgubai20@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Teknik BAYI adalah satu kaedah mengajar yang menggabungkan unsur muzik dalam aktiviti membaca suku kata. Perkataan BAYI dibina daripada huruf dalam perkataan BAca dan nyanYI. Kaedah BAYI adalah amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh pengamal(guru) untuk meningkatkan kebolehan membaca suku kata bagi murid bermasalah pembelajaran. Dalam bahasa yang mudah, Kaedah BAYI adalah kaedah membaca sambil menyanyi. Melalui kaedah ini, murid boleh membaca sambil menyanyi pelbagai keluarga suku kata dengan melodi yang berbeza. Murid dan guru hanya perlu akses '**Teknik Bayi Cikgu Bai**' melalui telefon pintar, komputer, tablet ataupun televisyen pintar, kemudian aktiviti membaca boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Murid bermasalah pembelajaran sinonim dengan sikap mudah bosan dan sukar fokus ketika belajar. Senario ini berlaku kerana hilang upaya pembelajaran yang mereka hadapi seperti lewat perkembangan, Autisma, Haiperaktif dan banyak lagi. Oleh kerana itu, pengamal(guru) telah mengambil inisiatif untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik melalui Teknik BAYI. Apabila murid seronok belajar, daya tumpuan pasti meningkat dan penguasaan pembelajaran juga akan meningkat. Teknik BAYI mempunyai banyak keluarga suku kata, namun amalan terbaik pada tahun ini memberi fokus kepada murid tahun dua di mana mereka perlu menguasai suku kata kv. Kaedah ini telah berjaya menjadikan murid lebih cepat menguasai bacaan suku kata kv daripada kadar biasa. Apabila murid telah menguasai suku kata kv maka mudahlah guru untuk mengajar suku kata yang lain, frasa, ayat tunggal dan topik membaca seterusnya. Penggunaan Teknik BAYI membuatkan murid seronok belajar dan guru seronok mengajar.

**Kata kunci:** Murid Bermasalah Pembelajaran, Membaca, Muzik

---

### **Pengenalan Amalan Terbaik**

Membaca menjadi asas semua bidang pengetahuan, bagi membolehkan seseorang itu memperolehi pendidikan sepanjang hayat kerana sebahagian besar ilmu pengetahuan terdapat dalam bentuk bahan bacaan. Menurut Abdul Rasid (2011), keupayaan membaca memerlukan seseorang

mengecam bentuk visual dengan menghubungkan antara bentuk dan bunyi serta berkebolehan mentafsirkan maksudnya. Murid yang telah didiagnos bermasalah pembelajaran kebanyakannya tidak boleh membaca. Mereka juga mengambil masa yang lama untuk menguasai bacaan. Menurut Individuals with Disabilities Education Improvement Act (IDEA 2004) (Public Law 108-446), hilang upaya pembelajaran didefinisikan sebagai kecelaruan dalam satu atau lebih proses asas psikologi untuk memahami atau menggunakan bahasa, pertuturan atau tulisan serta menunjukkan ketidaksempurnaan keupayaan dalam mendengar, berfikir, bertutur, membaca, mengeja atau mengira (National Research Center on Learning Disabilities, 2007).

Kesukaran murid dalam menguasai bacaan telah mendorong pengamal untuk mengajar murid membaca sambil menyanyi melalui Teknik Bayi. Teknik ini membuatkan murid seronok belajar, daya tumpuan meningkat dan seterusnya membantu proses menguasai pembelajaran. Nyanyian adalah aktiviti yang melibatkan lagu dan muzik. Aktiviti ini adalah sesuatu yang disukai oleh kanak-kanak dan mereka sering memberi reaksi gembira apabila lagu dan muzik dimainkan. Kajian yang dijalankan oleh Profesor Dr Ezgi dan Profesor Dr Sezen (2012) dalam artikel jurnal yang bertajuk "*Using Music and Musical Activities in Special Education*" di negara Turki mendapati muzik menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dalam aspek akademik, sosial, emosi, kemahiran motor dan kognitif melalui aktiviti nyanyian, gerakan dan memainkan alat muzik.

Teknik BAYI diilhamkan pada tahun 2015. Teknik ini memberi fokus kepada penguasaan suku kata bermula daripada suku kata kv. Suku kata kv adalah suku kata yang akan dipelajari oleh murid bermasalah pembelajaran tahun dua dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas(KSSR PK). Selain suku kata kv, Teknik BAYI juga mengandungi pembelajaran suku kata kvkv, suku kata kvk, suku kata kvkv, suku kata vkkvk dan banyak lagi. Suku kata mana yang akan digunakan oleh pengamal bergantung kepada kelas yang diajar pada tahun semasa. Pada tahun ini, pengamal telah menggunakan suku kata kv bagi murid kelas Al Farabi Sekolah Kebangsaan Batu Berendam dua. Murid kelas Al Farabi telah menguasai abjad dan perlu menguasai suku kata kv mengikut sukatan pelajaran KSSR PK tahun dua.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

American Academy of Child and Adolescent Psychiatry (2012) menyatakan bahawa murid bermasalah pembelajaran mengalami kesukaran mengikuti arahan, menumpukan perhatian, menguasai tugas yang guru berikan dan seterusnya menyebabkan mereka ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan sebaya. Sikap kurang memberi tumpuan semasa guru mengajar mengakibatkan apa yang diajar oleh guru tidak mudah diterima. Sebagai contoh, apabila murid tidak menumpukan perhatian setiap kali guru mengajar membaca, akhirnya murid tidak berjaya menguasai bacaan. Masalah kurang daya tumpuan ini mungkin disebabkan hilang upaya pembelajaran yang

mereka hadapi atau kaedah pengajaran guru yang membosankan. Guru perlu kreatif untuk menarik perhatian murid dengan menggunakan kaedah pengajaran yang menarik dan menyeronokkan. Menurut Jamila, Hanafi & Rosadah (2012), tahap kegagalan membaca menjadi bertambah teruk apabila tiada strategi pengajaran yang berkesan serta peluang untuk belajar dan ini memberi kesan jangka panjang bagi murid.

Sorotan daripada kurang daya tumpuan dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran menyebabkan pengamal memikirkan satu teknik yang menggabungkan rangsangan muzik dalam pengajaran membaca iaitu Teknik BAYI. Ini kerana terdapat banyak kebaikan apabila guru menerapkan unsur muzik dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Fungsi otak dapat dipertingkatkan melalui tangan semasa bermain alat muzik serta penggunaan suara dan bahasa melalui nyanyian. Fungsi ini juga mampu mensimulasikan sistem otak agar berdaya maju dan kreatif(Yasmin & Zainal ,2013). Droscher (2006) dan Adam (2008) pula menyatakan bahawa pendedahan terhadap muzik mempercepatkan umur membaca, meningkatkan kebolehan bertutur, berkomunikasi melalui ‘eye contact’, membina perubahan suara yang berbeza, membina dialog dengan orang lain dan belajar mengingat perkataan.

### **Objektif Pelaksanaan**

Objektif perlaksanaan amalan terbaik ini adalah untuk:

1. meningkatkan daya tumpuan ketika belajar
2. meningkatkan kebolehan membaca suku kata kv

### **Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**

Teknik BAYI adalah amalan terbaik yang telah lama pengamal laksanakan sepanjang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Program Pendidikan Khas Integrasi, Kelas Pendidikan Khas Pembelajaran Sekolah Kebangsaan Batu Berendam dua, Melaka. Idea mengajar membaca sambil menyanyi mula tercetus apabila melihat respon murid ketika membaca suku kata agak hambar dan reaksi wajah juga nampak membosankan. Setelah pengamal mengamalkan cara membaca suku kata menggunakan Teknik BAYI, pembelajaran menjadi ceria dan murid seronok ketika belajar. Penguasaan bacaan murid juga semakin baik. Teknik BAYI mempunyai banyak keluarga suku kata namun pada tahun 2022, pengamal telah menggunakan pembelajaran suku kata kv bagi kelas tahun dua yang bernama Al Farabi. Murid kelas Al Farabi telah menguasai abjad, maka pembelajaran seterusnya menurut sukatan pelajaran adalah mengeja dan membunyikan suku kata kv.

### **Cara Menggunakan Teknik BAYI**

Berikut adalah cara menggunakan Teknik BAYI di dalam kelas. Pengamal telah membahagikan kepada yang pertama adalah **membuat semakan awal penguasaan suku kata kv sebelum menggunakan Teknik BAYI**, yang kedua adalah **mengajar menggunakan Teknik BAYI** dan seterusnya yang

terakhir adalah membuat semakan penguasaan suku kata kv setelah majoriti murid menunjukkan perkembangan:

### **1. Membuat Semakan Awal Penguasaan Suku Kata KV Sebelum Menggunakan Teknik BAYI**

Sebelum memulakan pembelajaran dan pemudahcaraan(pdpc), guru akan menguji murid dengan satu senarai semak yang dinamakan '**Analisis Penguasaan Suku kata kv'** untuk mengetahui tahap penguasaan awal suku kata kv. Suku kata kv mempunyai 126 suku kata, adalah tidak wajar jika pengamal mengajar semua suku kata dalam satu masa. Maka, pengamal telah mengajar suku kata ini secara berperingkat melalui 4 fasa. Fasa satu ialah suku kata ba be bi bo bu hingga ga ge gi go gu, fasa dua bermula daripada suku kata ha he hi ho hu hingga ma me mi mo mu, fasa tiga pula ialah suku kata na ne ni no nu hingga sa se si so su dan fasa ke empat ialah suku kata ta te ti to tu hingga za ze zi zo zu. Senarai semak ini digunakan sebagai indikator untuk mengetahui tahap penguasaan murid sebelum Teknik BAYI digunakan. Senarai semak yang sama juga akan digunakan setelah semua murid menguasai lebih daripada 80 peratus bacaan. Sekiranya semakan kali kedua murid telah menguasai bacaan, guru tidak perlu menyemak untuk kali ketiga. Pembelajaran suku kata kv yang baharu akan diajar.


**Rajah 1**  
*Analisis Penguasaan Suku Kata KV FASA 1 Bermula daripada  
Suku Kata ba be bi bo bu hingga ga ge gi go gu*

FASA 1																																																																																
BAHASA MELAYU ANALISIS PENGUASAAN BACAAN SUKU KATA KV																																																																																
NAMA : _____			UMUR : ____ TAHUN			KEPERLUAN KHAS: _____																																																																										
KELAS : _____			TARIKH MULA : _____																																																																													
<p>Tandakan (/) jika murid menguasai dan (O) jika belum menguasai.</p>																																																																																
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><thead><tr><th colspan="3">TARIKH</th><th colspan="3">TARIKH</th><th colspan="3">TARIKH</th></tr><tr><th>Kali 1</th><th>Kali 2</th><th>Kali 3</th><th>Kali 1</th><th>Kali 2</th><th>Kali 3</th><th>Kali 1</th><th>Kali 2</th><th>Kali 3</th></tr></thead><tbody><tr><td>ba</td><td>be</td><td>be</td><td>bi</td><td>/</td><td>bo</td><td>bu</td><td></td><td></td></tr><tr><td>ca</td><td>ce</td><td>ce</td><td>ci</td><td></td><td>co</td><td>cu</td><td></td><td></td></tr><tr><td>da</td><td>de</td><td>de</td><td>di</td><td></td><td>do</td><td>du</td><td></td><td></td></tr><tr><td>fa</td><td>fe</td><td>fe</td><td>fi</td><td></td><td>fo</td><td>fu</td><td></td><td></td></tr><tr><td>ga</td><td>ge</td><td>ge</td><td>gi</td><td></td><td>go</td><td>gu</td><td></td><td></td></tr><tr><td>J</td><td>J</td><td>J</td><td>J</td><td></td><td>J</td><td>J</td><td></td><td></td></tr></tbody></table>									TARIKH			TARIKH			TARIKH			Kali 1	Kali 2	Kali 3	Kali 1	Kali 2	Kali 3	Kali 1	Kali 2	Kali 3	ba	be	be	bi	/	bo	bu			ca	ce	ce	ci		co	cu			da	de	de	di		do	du			fa	fe	fe	fi		fo	fu			ga	ge	ge	gi		go	gu			J	J	J	J		J	J		
TARIKH			TARIKH			TARIKH																																																																										
Kali 1	Kali 2	Kali 3	Kali 1	Kali 2	Kali 3	Kali 1	Kali 2	Kali 3																																																																								
ba	be	be	bi	/	bo	bu																																																																										
ca	ce	ce	ci		co	cu																																																																										
da	de	de	di		do	du																																																																										
fa	fe	fe	fi		fo	fu																																																																										
ga	ge	ge	gi		go	gu																																																																										
J	J	J	J		J	J																																																																										
<p>CATATAN:</p>																																																																																
<p>J=JUMLAH</p>																																																																																
Disemak oleh:			Disahkan oleh:			JUMLAH PENGUASAAN BACAAN: 30 SUKU KATA KV																																																																										
.....			.....			KAL 1 : _____ KAL 2 : _____ KAL 3 : _____																																																																										

## 2. Mengajar Menggunakan Teknik BAYI

Teknik BAYI boleh digunakan sesiapa sahaja kerana kaedah ini telah disebarluas melalui *Youtube*, *Tik Tok*, *Telegram* dan *Whatsup*. Murid dan guru hanya perlu akses ‘**Teknik Bayi Cikgu Bai**’ dan pilih suku kata mana yang hendak dipelajari atau diajar. Kali ini, pengamal menggunakan lagu suku kata kv. **Rajah 2** menunjukkan langkah-langkah yang digunakan semasa menggunakan Teknik BAYI:

**Rajah 2**  
Langkah-Langkah Pdpc Menggunakan Teknik BAYI



### Penerangan 5 Langkah Pdpc Teknik BAYI Melalui Gambar dan Video

**LANGKAH 1**

• Murid membaca suku kata kv sambil menyanyi melalui youtube channel "Teknik Bayi Cikgu Bai" secara beramai-ramai.

**TEKNIK BAYI(BACA+NYANYI) kv CIKGU BAI**

136 views · 1 month ago

PowerDirector

10      0      Share      Download      Save

NORBAIDURA HAINIE BI...      SUBSCRIBE  
32 subscribers

A screenshot of a YouTube video player. The video title is 'TEKNIK BAYI(BACA+NYANYI) kv CIKGU BAI'. Below the title, it says '136 views · 1 month ago'. The video thumbnail shows a close-up of a cat's face with the letters 'ba' overlaid. The video player interface includes a 'PowerDirector' watermark, like/dislike buttons (10 up, 0 down), share, download, and save options. At the bottom, there is a channel info bar for 'NORBAIDURA HAINIE BI...' with 32 subscribers, and a 'SUBSCRIBE' button.

A photograph of a classroom setting. Several children are seated at desks, facing a teacher who is standing and pointing towards a tablet device. The teacher is wearing a blue headscarf and a green top. The children are looking at the tablet screen, which likely displays a video or audio content related to the BAYI technique. The classroom has pink walls decorated with educational drawings.



## LANGKAH 2

- Murid membaca suku kata kv sambil menyanyi dengan iringan lagu dibantu dengan kad bacaan secara beramai-ramai.



## LANGKAH 3

- Murid membaca suku kata kv sambil menyanyi tanpa iringan lagu dibantu dengan kad bacaan secara individu



#### LANGKAH 4

- Murid diminta membimbing rakan lain membaca menggantikan guru. Guru membantu jika murid tidak tahu



#### LANGKAH 5

- Murid membaca suku kata dengan bimbingan minima atau tanpa bimbingan daripada guru secara individu



### 3. Membuat Semakan Penguasaan Suku Kata KV Setelah Majoriti Murid Menunjukkan Perkembangan

Selepas beberapa minggu pdpc berlangsung dan guru telah nampak tahap penguasaan murid bertambah, analisis kali kedua pula akan dilaksanakan menggunakan senarai semak yang sama seperti dalam **Rajah 1**. Jika majoriti murid telah menguasai suku kata yang diajar, guru akan menyemak penguasaan awal murid terhadap suku kata baharu yang akan diajar, mengajar suku kata kv yang seterusnya dan menyemak semula apabila murid telah menguasai. Begitulah seterusnya sehingga cukup 126 suku kata kv telah murid kuasai. **Rajah 3** menunjukkan contoh ‘**Analisis Penguasaan Suku kata kv FASA 1**’ yang telah disemak.

### Rajah 3

#### Analisis Penguasaan Suku Kata KV FASA 1 yang Telah Disemak

TAKSA 1																	
BAHASA MELAYU ANALISIS PENGUASAAN BACAAN SUKU KATA KV																	
NAMA : <u>Zaful</u>			UMUR : <u>12</u> TAHUN			TARikh MULA : <u>29.3.2022</u>			KEPERLUAN KHAS: <u>10</u>								
Tandaikan (/) jika murid menguasai dan (0) jika belum menguasai.																	
TARIKH			TARIKH			TARIKH			TARIKH			TARIKH					
Kel 1	Kel 2	Kel 3	Kel 1	Kel 2	Kel 3	Kel 1	Kel 2	Kel 3	Kel 1	Kel 2	Kel 3	Kel 1	Kel 2	Kel 3			
29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022	29/3/2022			
ba	0	/	be	/	/	be	0	/	bi	/	/	bo	/	/	bu	/	/
ca	0	/	ce	0	/	ce	0	0	ci	/	/	co	0	/	cu	/	/
da	/	/	de	/	/	de	0	/	di	/	/	do	0	/	du	/	/
fa	0	/	fe	0	/	fe	0	/	fi	0	/	fo	0	/	fu	0	/
ga	0	0	ge	0	/	ge	0	/	gi	0	/	go	0	/	gu	0	/
J 1 / 4			J 2 / 5			J 0 / 4			J 3 / 5			J 1 / 5			J 3 / 5		
CATATAN:												JUMLAH PENGUASAAN BACAAN:					
Disemak oleh: 												ZAFUL ANIWAR BIN ABU SAMAH GURU PRINCIPAL KANAN PROGRAM PENCAPAIAN KHAS INTEGRASI SEL, PERA, BAHU, REHABILITASI 2, TENAGA MELAKA			JUMLAH PENGUASAAN BACAAN: 30 SUKU KATA KV KALI 1: <u>20/20</u> KALI 2: <u>30/30</u> KALI 3: <u>_____</u>		
NORBADILAH HANIE BT SADIQUL HISHAM/2022																	

### Keberkesanan Amalan Baik yang Dilaksanakan


Amalan terbaik yang pengamal telah laksanakan memberi impak yang positif terhadap minat belajar murid dan tahap penguasaan bacaan murid. Pengamal mendapat murid boleh fokus lebih lama daripada kadar biasa dan penguasaan membaca suku kata kv juga meningkat. Teknik BAYI melibatkan seni kata lagu yang berulang-ulang dan diiramakan dengan pelbagai melodi yang berbeza serta menghiburkan. Maka apabila murid seronok setiap kali belajar, daya fokus meningkat dan penguasaan bacaan turut meningkat. Sepertimana dalam kajian yang bertajuk *The Effectiveness of Integrating Music In The Classroom* yang dijalankan oleh Brewer (2007), menegaskan bahawa integrasi muzik dalam pembelajaran adalah sangat berkesan di mana muzik sesuai digunakan untuk semua peringkat umur. Menurut kajian yang dijalankan oleh beliau, penggunaan muzik dan nyanyian dalam pembelajaran boleh membantu murid mengingati pengalaman pembelajaran yang dilalui di samping dapat menggalakkan penglibatan aktif murid di dalam kelas. Irama dan melodi yang digunakan dalam lagu dapat menguatkan memori terhadap fakta dan isi pelajaran. Ulrike (2012) juga mendapat bahawa lagu memudahkan pembelajaran berbanding dengan pertuturan terutamanya dalam pembelajaran sesuatu perkataan baharu.

Keberkesanan Teknik BAYI dapat ditunjukkan melalui dapatan **Rumusan Analisis Penguasaan Bacaan Suku kata kv** dalam Jadual 1. Murid berjaya meningkatkan bacaan suku kata kv selepas 8 kali pdpc dijalankan. Jadual 1 dan Graf 1 menunjukkan rumusan analisis penguasaan bacaan suku kata kv FASA 1 bagi 7 orang murid kelas Al Farabi.

Jadual 1  
*Rumusan Analisis Penguasaan Bacaan Suku kata KV  
FASA kelas Al Farabi*

BIL	NAMA MURID	UMUR (tahun)	KEPERLUAN KHAS	KALI	
				1	2
				29 MAC 2022	12 MEI 2022
1	Murid 1	10	Masalah Pembelajaran	3%	83%
2	Murid 2	10	Masalah Pembelajaran	0%	67%
3	Murid 3	10	Masalah Pembelajaran	0%	70%
4	Murid 4	12	Hiperaktif	3%	53%
5	Murid 5	10	Masalah Pembelajaran	83%	100%
6	Murid 6	9	Masalah Pembelajaran	3%	93%
7	Murid 7	12	Masalah Pembelajaran	33%	93%

Graf 1  
*Rumusan Analisis Penguasaan Bacaan Suku kata KV FASA 1  
kelas Al Farabi*



Merujuk kepada Jadual 1 dan Graf 1, lima orang murid didapati hanya menguasai bawah 3 peratus bacaan suku kata kv. Seorang murid pula menguasai 33 peratus dan hanya seorang murid telah menguasai 83 peratus. Ini menunjukkan enam daripada tujuh orang murid sangat lemah dalam bacaan suku kata kv FASA 1. Namun selepas Teknik BAYI diaplikasi sebanyak 8 kali, murid telah menunjukkan peningkatan yang banyak iaitu seramai 6 orang murid telah berjaya membaca lebih daripada 60 peratus suku kata kv FASA 1. Penguasaan ini adalah penguasaan yang memberangsangkan kerana murid-murid ini pernah belajar tajuk yang sama dengan sukatan pelajaran yang sama pada tahun sebelumnya dengan guru lain tetapi majoriti murid masih belum menguasai suku kata kv. Dapatkan data ini membuktikan Teknik BAYI berjaya menarik minat murid untuk belajar membaca dan seterusnya meningkatkan penguasaan bacaan.

## Rumusan dan Cadangan

Amalan terbaik ini telah menjadikan suasana pembelajaran membaca menyeronokkan dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. Belajar membaca suku kata tidak lagi membosankan seperti dahulu. Murid seronok setiap kali belajar dan guru juga seronok setiap kali mengajar. Teknik BAYI boleh digunakan oleh guru lain dengan mudah kerana telah disebar luas melalui internet dan Teknik BAYI juga sesuai dipakai ketika Pandemik Covid 19 melanda negara. Guru mudah mengajar walaupun secara jarak jauh. Teknik BAYI pernah memenangi Anugerah Emas dalam Pembentangan Amalan Terbaik dan Inovasi dalam PdP pada tahun 2021. Melalui penulisan artikel amalan terbaik ini, pengamal mengharapkan agar Teknik BAYI dapat terus digunakan oleh guru-guru Pendidikan Khas yang lain semasa mengajar tajuk suku kata dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Jangan lupa *Like*, *Subscribes* dan *Share* '**Teknik Bayi Cikgu Bai**' untuk kebaikan bersama. Sekian terima kasih.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1). 1-12.  
[http://www.ukm.my/jpbm/pdf/1-12\\_Rasid\\_UPM.pdf](http://www.ukm.my/jpbm/pdf/1-12_Rasid_UPM.pdf). [16 Mac 2015].
- Brewer, C.B. 2007. *The Effectiveness of Integrating Music In The Classroom*.  
<http://www.newhorizons.org/strategies/arts/brewer.htm>. [16 Mac 2015].
- Droscher, E. (2006), The Benefits of Music Education to Children.  
<http://creativekidonline.com/library/HowMusicEducationBenefitsChildren.pdf>
- Ezgi Ozeke Kocabas & Sezen Ozeke. 2012. Using Music and Musical Activities in Special Education: Developments in Turkey. *International Online Journal of Primary Education*. 1(1): 73-79.  
[www.iojpe.org/ojs/index.php/IOJPE/article/view/125](http://www.iojpe.org/ojs/index.php/IOJPE/article/view/125). [16 Mac 2015].
- Jamila K.A. Mohamed Kutty, Mohd Hanafi B. Mohd Yasin & Rosadah Abd Majid. 2012 Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Membaca dan Menulis dalam Bahasa Melayu bagi Murid Prasekolah Bermasalah Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2(2):111-127
- National Research Center on Learning Disabilities. 2007. U.S. Department of Education.<http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED543740.pdf>. [15 Mac 2015].
- Ulrike Haase. 2012. Troughs on WFMT's Definition of Music Therapy. *Nordic Journal of Music Therapy*. 21(2):194195.  
[http://www.researchgate.net/publication/2417365\\_Thoughts\\_on\\_WFMT's](http://www.researchgate.net/publication/2417365_Thoughts_on_WFMT's). [12 Mac 2015].

Yasmin Hussain & Zainal Ariffin. 2013. *Asas Terapi Muzik, Panduan dan Maklumat Menguruskan Sesi Terapi*. Selangor. Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd.

## Lampiran

Lagu suku kata kv Teknik BAYI Cikgu Bai di *Youtube*



## Anugerah



Video ujian bacaan kali 1(ujian pra) dan kali 2(ujian pos) kelas Al Farabi

MURID 1



KALI 1



KALI 2

MURID 2



KALI 1



KALI 2

MURID 3



KALI 1



KALI 2

MURID 4



KALI 1



KALI 2

MURID 5



KALI 1



KALI 2

MURID 6



KALI 1



KALI 2

MURID 7



KALI 1



KALI 2